

PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR

*file "11"  
Relevans file.*

Tarikh: 12.2.93

MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA

Arahan Amalan No: 1 Tahun 1993


RAYUAN JENAYAH

Seksyen 51 & 54 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964) diberi perhatian. Untuk mengemaskinikan aturan Rayuan Jenayah di Mahkamah Agung, Y.A.A. Ketua Hakim Negara mengarahkan peraturan yang dihuraikan selanjutnya ini dilaksanakan dengan serta merta:-

Notis Rayuan

1. Sebaik sahaja Orang Kena Tuduh didapati salah dan dijatuhkan hukuman mati selepas perbicaraan di Mahkamah Tinggi, maka Penolong Kanan Pendaftar hendaklah menyediakan Notis Rayuan untuk ditandatangani oleh pesalah (lihat contoh Borang 7 Kaedah Mahkamah Agung 1980)
2. Satu salinan Notis Rayuan tersebut hendaklah disertakan dengan Waran Pemenjaraan (Warrant of Commitment) untuk maklumat Jabatan Penjara.
3. Selepas itu satu salinan Notis Rayuan tersebut hendaklah difaxkan pada hari itu juga kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Agung (Bahagian Rayuan) di Kuala Lumpur dan diikuti dengan kiriman Notis Rayuan itu melalui pos.

4. Sebaik sahaja Notis Rayuan diterima, Timbalan Pendaftar hendaklah mendaftarkan rayuan tersebut dan memaklumkan kepada Penolong Kanan Pendaftar nombor pendaftaran Rayuan Jenayah Mahkamah Agung untuk maksud Seksyen 52, 53 dan 55 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

  
(HASHIM BIN DATO' HJ. YUSOFF)  
KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH AGUNG  
KUALA LUMPUR

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya
3. Y.A.A. Hakim Besar Borneo
4. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung
5. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman Malaya
6. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi/Pesuruhjaya Kehakiman Borneo
7. Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia
8. Ketua Pendaftar Mahkamah Agung
9. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
10. Pendaftar Mahkamah Tinggi, Kuching, Sarawak
11. Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu
12. Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaysia
13. Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia

DI MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA

RAYUAN JENAYAH NO:                      TAHUN

Di antara

.....                      ...                      Perayu  
Dan  
Pendakwa Raya                      ...                      Penentang

(Dalam perkara kes Mahkamah Tinggi di .....  
Perbicaraan Jenayah No: .....

Di antara

Pendakwa Raya  
Dan  
.....)

NOTIS RAYUAN

AMBIL PERHATIAN bahawa .....  
K/P No: ..... merayu kepada Mahkamah Agung  
Malaysia terhadap keputusan yang diberikan oleh Yang Arif  
Hakim ..... di .....  
yang diberikan pada..... dalam kes tersebut di  
atas di mana Perayu disabitkan kesalahan di bawah Seksyen  
..... dan dihukum.....

Rayuan ini ialah atas perintah sabitan dan hukuman.

Perayu memohon hadir di perbicaraan rayuan.

.....  
Tandatangan Perayu

Bertarikh:.....

Di.....